

Jawatan : Penyelia Asrama

Kementerian : Kementerian Pendidikan Malaysia

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Klasifikasi : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan

Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
N17	928.00	3,375.00	95.00

Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; [Gaji Permulaan ialah pada Gred N17 : RM928.00] dan
- (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Taraf Jawatan : Tetap

Ringkasan Tugas :

- (i) Menyedia dan memastikan tempat tinggal penghuni asrama berada dalam keadaan selamat, bersih dan kemas.
- (ii) Bertanggungjawab ke atas pentadbiran, inventori dan kemudahan
- (iii) Memastikan penghuni asrama mematuhi semua peraturan asrama

Skop dan Fungsi Bidang Tugas :

- (a) Pentadbiran
 - Menjalankan tugas pendaftaran masuk/keluar penghuni asrama
 - Mengemaskini senarai nama dan kedudukan bilik penghuni asrama setiap masa.
 - Memantau disiplin penghuni asrama dan menyediakan laporan

kepada Penyelia Asrama N22 / N26.

- Bertanggungjawab ke atas disiplin anggota di bawah jagaan.

(b) Perkhidmatan

- Memastikan bilik asrama disediakan dalam keadaan bersih, selesa dan selamat.
- Memberi dan menerima kunci daripada penghuni dan menyimpan di tempat yang disediakan.
- Memastikan penghuni mematuhi peraturan-peraturan asrama.
- Mengawal keluar / masuk pelawat mengikut masa yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan.

(c) Penyelenggaraan Fasiliti dan Aset

- Memeriksa peralatan dan keperluan kelengkapan asrama dan lapor kepada N22/ N26.
- Mengenalpasti peralatan yang tidak boleh diperbaiki dan melapor kepada N22/N26.
- Memastikan asrama dan persekitaran berada dalam keadaan bersih dan selesa.

(d) Keselamatan dan kebajikan

- Menyelia dan menyediakan kemudahan di bilik sakit.
- Memastikan kesihatan penghuni sentiasa baik dan melaporkan kepada pegawai atasan jika terdapat kes-kes yang merbahaya.
- Melakukan rondaan (*spot check*) bagi memastikan penghuni, aset, bangunan dan persekitaran berada dalam keadaan selamat

(e) Kawalan Kualiti

- Melakukan setiap proses kerja mengikut arahan pekeliling atau piawaian.
- Menerima aduan berkenaan dengan kemudahan asrama, keselamatan dan kebajikan.